

KEKALKAN MAKLUMAT DIRI PERIBADI

Semenjak internet semakin kompleks, semakin ramai pengguna merasakan mereka mungkin memberi maklumat mengenai diri mereka dan perjalanan di internet yang dianggap peribadi. 'Article' ini memberi makluman mengenai alat dan teknik untuk mengawal maklumat peribadi yang dikongsi melalui jual beli internet, laman web, e-mel, 'chat' dan individu lain yang mungkin menggunakan computer anda.

1. Pelayaran

Kebanyakan laman web merekod laman-laman yang dilawati oleh pengguna semasa berada dalam laman web mereka, menggunakan fail kecil yang dikenali sebagai 'cookies'. Contoh penggunaan 'cookies' termasuklah menyimpan 'bakul' pembelian untuk 'menempatkan' barangan yang dibeli atau mengingatkan alamat atau lain-lain maklumat supaya anda tidak perlu menaip semula setiap kali melawati laman web berkenaan. Berdasarkan kehendak peribadi, pengguna mempunyai pilihan untuk mengurangkan atau menghalang penggunaan 'cookies' dalam computer anda.

'Cookies' lain, kebanyakan digunakan oleh pengiklan, dikenali sebagai 'cookies' pihak ketiga kerana ia dikawal oleh laman web lain, bukan yang dilawati. Segelintir pengguna memilih untuk mengurangkan penggunaan 'cookies' pihak ketiga ini.

1.1 Tukar 'setting' pelayar web - sebelum bercadang untuk menukar 'setting' 'cookie' pelayar, anda perlu tahu lebih lanjut mengenai 'cookies'.

1.2. Hilangkan tanda-tanda laman web yang pernah anda lawati menggunakan computer di rumah – Halang mereka yang berkongsi komputer daripada melihat laman-laman web yang pernah anda lawati.

1.3. Selalu baca polisi peribadi laman web yang sering dikunjungi – kebanyakan laman web akan memaklumkan samada mereka menggunakan 'cookies' dan tujuannya. Ia sama penting dengan membaca polisi peribadi ketika membeli, anda perlu membaca polisi peribadi untuk mengetahui bagaimana laman web menggunakan maklumat yang dikumpul melalui 'cookies'. Polisi peribadi turut memaklumkan samada mereka menggabungkan maklumat daripada 'cookie' dengan nama dan makluman untuk dihubung (jika diberi).

1.4. Hilangkan profil oleh Network Advertisers – Memandangkan Network Advertising Companies (Syarikat Pengiklanan Rangkaian) memberi khidmat kepada kebanyakan iklan pada laman web di sekitar internet, mereka mempunyai kedudukan istimewa untuk melihat corak layaran pengguna. Anda boleh menghalang mereka daripada mereka profil daripada corak layaran anda dengan melawati laman web mereka di NetworkAdvertising.org.

2. Membeli belah

Realiti mengenai pembelian melalui internet ialah anda perlu memberi maklumat peribadi kepada kedai internet ini sekiranya ingin membeli. Selalunya anda memberi alamat tempat tinggal kepada kedai internet untuk penghantaran barangan dan maklumat pengakaunan (makluman kad kredit) untuk pembayaran. Penjual bertanggungjawab akan memaklumkan pengguna bagaimana mereka akan

menggunakan maklumat ini dalam polisi peribadi. Oleh kerana maklumat semakin banyak dihantar melalui internet, pemalsuan adalah perkara yang sering menjadi isu. Ia adalah penting untuk mengambil langkah berjaga-jaga dalam memastikan maklumat yang diberi ketika pembelian melalui internet tidak digunakan untuk pemalsuan.

2.1 Tahu daripada mana anda membeli – Apabila membeli barangan melalui internet, hanya beli daripada syarikat yang bertauliah dan hanya beri maklumat yang cukup untuk pembelian. Kenali syarikat-syarikat yang bertauliah dan baca polisi peribadi.

2.2. Pastikan pembelian dan maklumat selamat – Gunakan kad kredit untuk mengurangkan 'exposure' kewangan anda, pastikan transaksi web selamat dengan 'encryption' dan berhati-hati dengan katalalu. [Maklumat lanjut](#).

2.3. Kenalpasti penjual tidak bertanggungjawab dan pemalsuan sebelum membeli – Kenali pemalsuan sebelum menjadi mangsa. Cari jalan untuk memastikan penjual tidak akan menyalahgunakan maklumat peribadi. [Maklumat lanjut](#).

2.4. Periksa polisi syarikat dan simpan rekod pembelian – Sebelum membeli, pastikan anda memahami polisi syarikat mengenai pemulangan, waranti dan lain-lain. Selepas pembelian, simpan rekod pembelian dan pantau 'statement' kad kredit. [Maklumat lanjut](#)

3.Komunikasi

Cara paling biasa untuk berkomunikasi melalui internet bersama rakan-rakan dan keluarga adalah melalui e-mel. Menggunakan kombinasi teknologi dan 'common sense', ia lebih mudah dan cepat bagi anda berkomunikasi melalui internet dengan lebih selamat. Ikuti **Panduan** di bawa, gunakan **Tools** dan **atur langkah** dalam memastikan komunikasi melalui internet sentiasa peribadi.

3.1 Fahami masalah yang mungkin timbul berkaitan e-mel – Anda perlu memahami antara masalah peribadi yang timbul apabila berkomunikasi melalui e-mel. [Maklumat lanjut](#).

3.2. Kenali penerima – Pastikan penerima e-mel adalah orang yang dipercayai dan tidak akan 'forward' e-mel anda kepada lain tanpa kebenaran.

3.3. Gunakan kata laluan – Jika anda berkongsi komputer - dengan keluarga atau rakan sebilik – gunakan aplikasi e-mel yang dilindungi oleh kata laluan.

3.4. Gunakan aplikasi web – Penggunaan e-mel web (seperti Hotmail atau Yahoo) mungkin langkah yang bagus jika risau akan individu lain yang boleh menggunakan komputer anda untuk membaca e-mel yang disimpan 'locally'.

3.3. Padamkan salinan mesej yang disimpan 'locally' – Anda boleh memadam salinan mesej yang dihantar dengan membuka 'folder' "sent" atau "out" dalam program emel dan padam mesej. Kemudian anda juga perlu membuka 'folder' "deleted" atau "trash" dalam program e-mel dan padam mesej sekali lagi untuk memastikan ia dipadamkan daripada aplikasi e-mel anda.

3.4. Dapatkan maklumat lanjut mengenai e-mel tidak dikehendaki - Anda boleh pelajari dengan lebih teliti mengenai e-mel yang tidak dikehendaki.

4. Perkongsian

Memandangkan ramai menggunakan komputer untuk kerja-kerja harian, lebih elok menyimpan sebanyak maklumat dalam komputer secara peribadi. Jika berkongsi komputer dengan rakan sebilik atau ahli keluarga atau menggunakan komputer umum (contoh: perpustakaan atau komputer sekolah), anda mungkin perlu mengambil langkah untuk memastikan maklumat kekal peribadi. Berikut adalah senarai perkara yang tidak patut dikongsi dan panduan untuk mengekalkan keperibadian. *Jika anda inginkan panduan keperibadian mengenai perkongsian komputer di tempat kerja, lawati laman web ini: [editor's caveat](#).*

4.1 Ketahui bagaimana untuk memadam tanda-tanda laman web yang pernah dilayari – Pastikan tidak sesiapa dalam akses file sejarah atau 'cache'.

4.2. Pastikan fail dan data dalam komputer tersembunyi daripada orang lain – Jika anda berkongsi komputer, anda mungkin perlu menyimpan fail peribadi yang sensitive. Samada ia adalah dokumen atau foto, terdapat pelbagai cara untuk menghindari individu lain daripada melihatnya ketika menggunakan komputer anda.

- Gunakan 'Removable Disks' atau simpanan luaran untuk menyimpan data. [Maklumat lanjut.](#)
- Gunakan ciri "Hide" untuk menyembunyikan fail dan 'folder' sensitive dalam komputer anda. [Maklumat Lanjut.](#)
- Padam dan padam sekali lagi data yang telah dibuang. [Maklumat Lanjut.](#)

4.3. Gunakan kata laluan – Jika berkongsi komputer dengan rakan sebilik atau ahli keluarga – gunakan aplikasi e-mel yang dilindungi oleh kata laluan.

4.4. Padam fail-fail e-mel sepenuhnya – Jika menggunakan program e-mel seperti Outlook or Eudora, kemungkinan semua e-mel, yang dihantar dan diterima, boleh diakses oleh sesiapa yang berkongsi komputer dengan anda. Jika hendak menyimpan e-mel ini secara peribadi, terdapat beberapa cara untuk melalukannya. [Maklumat Lanjut.](#)

4.5. Rahsiakan kata laluan – Ia sebaik-baiknya susah untuk diteka. [Maklumat Lanjut.](#)

Compiled by: Ezmir Mr (ezmir@mmu.edu.my) with referenced to <http://www.getnetwise.org/>